

# Lawatan kedua Anwar ke Mesir perkukuh hubungan diplomatik

Kunjungan  
atas jemputan  
Presiden EL-Sisi  
buka ruang  
tingkat kerjasama

Daripada  
Sariha Mohd Ali  
[sariha@pbh.com.my](mailto:sariha@pbh.com.my)

di Kaherah,  
Mesir



**Lawatan** rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selama empat hari ke Mesir bermula semalam akan mengukuhkan lagi hubungan diplomatik yang terjalin di antara kedua-dua negara sejak 65 tahun lalu.

Ini kunjungan kedua dilakukan Anwar ke negara ini selepas lawatan kerja pertama sebagai Perdana Menteri pada Oktober tahun lalu dan kali ini ia lawatan bersejarah atas jemputan Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi, bertepatan dengan sambutan 65 tahun hubungan Malaysia-Mesir, esok sejak bermula pada 10 No-

vember 1959.

Duta Besar Malaysia ke Mesir, Datuk Mohd Tarid Sufian, berkata pada lawatan kali ini, Anwar akan diberikan sambutan negara oleh Presiden El-Sisi di Istana Al Ittihadiya, di sini, dan kemudian mengadakan pertemuan empat mata dengan pemimpin terbabit.

Beliau berkata, antara lain, Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dan pertukaran idea berhubung kerjasama dua hala antara Malaysia dan Mesir terutama membabitkan bidang pendidikan tinggi, pelaburan, perdagangan, pelancongan, industri halal, kesihatan, tenaga boleh diperbaharui dan air, sumber asli serta kelestarian alam.

Katanya, kedua-dua pemimpin turut dijangka membincangkan isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama terutama mengenai konflik Palestin.

"Lawatan Perdana Menteri ini bakal melakar satu sejarah penting dalam hubungan di antara Malaysia dan Mesir, membuka ruang untuk mempelbagai dan mengukuhkan kerjasama serta asas yang menjadi sinergi ke atas usaha meneliti pelbagai isu serantau dan global demi kepentingan bersama.

"Pada pertemuan ini, Anwar dan El Sisi turut dijadualkan me-



Anwar dan delegasi berangkat ke Kaherah, Mesir bagi mengadakan lawatan rasmi atas jemputan Presiden Abdel Fattah El-Sisi. (Foto Pejabat Perdana Menteri)

nyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Malaysia dan Al-Azhar Al-Sharif dalam bidang hal ehwal Islam.

"Selepas itu, Perdana Menteri akan menyampaikan ceramah umum kepada pelajar dan kakitangan Universiti Al-Azhar, selain sesi libat urus bersama kapten industri tempatan dan merasmikan pusat operasi pemasangan (CKD) Proton Saga, di sini," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Anwar yang tiba di Kaherah pada petang semalam diiringi

Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir serta Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Datuk Seri Huang Tiong Sii.

Sementara itu, Mohd Tarid berkata, Mesir adalah rakan dagang kelima terbesar Malaysia dalam kalangan negara Afrika dengan

nilai dagangan RM3.35 bilion tahun lalu, manakala nilai eksport dan import menunjukkan peningkatan positif 21.4 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Beliau berkata, bagi tempoh Januari hingga September lalu, nilai dagangan mencecah RM3 bilion dan jumlah itu dijangka melepasi sasaran dicapai tahun lalu.

"Kita jangka nilai dagangan akan bertambah 60 hingga 70 peratus membabitkan minyak kelapa sawit, selain barangan lain termasuk produk berasaskan getah dan kimia serta makanan diproses," katanya.